



**JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 8 JULAI 2022**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT
JMKNNS.SH 1/2022	Perkhidmatan Pembangunan Sistem Pengurusan Jualan Buku dan Stok Secara Atas Talian di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan	210101 210104	RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja) senaskah yang tidak akan dikembalikan	Tarikh: 13 Julai 2022 (Rabu) Masa: 10.00 pagi Tempat: Dewan MAINS, Aras 4, Menara MAINS, Seremban

1. Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada waktu pejabat mulai **8 Julai 2022 (Jumaat) hingga 21 Julai 2022 (Khamis)** pada waktu pejabat (**jam 8.30 pagi – 4.30 petang**) di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.
2. Pihak syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli Dokumen Sebut Harga.
3. Taklimat perlu dihadiri oleh maksimum **dua (2) orang wakil** sahaja. Salah seorang wakil yang hadir mesti merupakan nama yang tertera di Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat. **Kehadiran taklimat ini adalah diwajibkan** dan hanya Penyebut Harga yang menyertai taklimat sahaja boleh mengambil bahagian dalam Sebut Harga ini. Sila bawa cap syarikat untuk pengesahan kehadiran.
4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah disusun dengan teratur dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta pada sampul surat dicatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditetapkan di **Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **jam 12.00 tengah hari 21 Julai 2022 (Khamis)**. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.